

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DR. KO CHUNG SEN (KAMPAR)**

**SOALAN:**

**Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-**

- a) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh JAKIM dan Kerajaan untuk mendidik dan menentukan moral umat Islam di negara ini dan keberkesanan dan kadar kejayaan program pemulihan salah laku moral yang disediakan; dan
- b) Berapakah dana yang telah diperuntukan untuk program di atas setiap program.

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan mengambil perhatian terhadap pembangunan akhlak dan syakhsiah masyarakat melalui program pendidikan secara formal dan tidak formal bermula dari peringkat rendah lagi. Sistem pendidikan negara adalah berteraskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang bertujuan :-

*melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.*

Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebagai agensi penyelarasan sentiasa bekerjasama dengan Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri (JAIN) bagi melaksanakan program pendidikan dan dakwah bagi memberi kefahaman dan penghayatan Islam kepada masyarakat melalui seminar, forum, khutbah Jumaat dan media.

Bagi menangani masalah gejala sosial dan pemulihan syaksiah umat Islam yang telah tersasar, **4 pendekatan** telah dilaksanakan, iaitu:-

i. Pencegahan Dan Pengukuhan (Al Wiqayah)

Pencegahan awal dan pengukuhan agama Islam secara menyeluruh.

ii. Rawatan dan pemulihan (Al 'Ilaj)

Memberi rawatan kepada pesalah seperti memberi rawatan yang bersesuaian di rumah-rumah perlindungan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Sebagai contoh, di Wilayah Persekutuan, ditubuhkan Dar Assaadah iaitu sebuah kompleks bimbingan dan perlindungan kepada gadis dan wanita yang tersasar arah seperti mengandung luar nikah dan terjebak dalam gejala sosial. Golongan ini akan diberikan perlindungan tempat tinggal sementara, didikan agama dan bimbingan kerohanian serta latihan kemahiran.

iii. Bimbingan dan nasihat (Al-Tarbiyah Wa Al Nasihah)

Menyediakan khidmat nasihat kepada masyarakat awam melalui pelbagai medium.

iv. Penguatkuasaan dan pendakwaan

Mendakwa pihak yang bersalah sebagai hukuman agar tidak mengulangi perbuatan itu dan supaya tidak diikuti oleh orang lain.

Justeru, saya ingin menekankan bahawa masalah salah laku moral atau kebejatan akhlak adalah sesuatu yang boleh menggugat ketenteraman masyarakat dan ia perlu ditangani bersama oleh semua pihak termasuk agensi kerajaan, swasta, badan bukan kerajaan dan masyarakat. Pada waktu yang sama, ibu bapa juga memainkan peranan yang amat penting dalam membentuk syakhsiah anak-anak.

Sekian, terima kasih.